

Kongsi ilmu wabak zoonotik

MyOHUN beri pendedahan, cari pendekatan cegah penyakit menular daripada haiwan kepada manusia

Oleh Mohd Sabran Md Sani
sab@mediaprima.com.my

Satu rangkaian kebangsaan, Malaysia One Health University Network (MyOHUN) dilancarkan bertujuan memberi kesedaran mengenai kepentingan pendekatan transdisiplinari, 'One Health' dalam menangani wabak pandemik di rantau Asia Tenggara.

Serentak itu, rangkaian di bawah naungan South East Asia One Health University Network (SEOHUN) secara rasmi menubuhkan pejabat koordinasi kebangsaan yang ditempatkan di Fakulti Perubatan Veterinar Universiti Putra Malaysia (UPM), Serdang.

Aktiviti bagi pendedahan konsep One Health diselenggarakan pusat penyelarasan negara (NCO).

Dana sejumlah setengah juta ringgit diperoleh bagi penyelenggaraan aktiviti oleh NCO ini.

Majlis pelancaran MyOHUN disempurnakan Naib Canselor UPM, Profesor Dattuk Dr Mohd Fauzi Ramlan di fakulti itu, baru-baru ini.

Hadir sama, Dekan Fakulti Perubatan Veterinar UPM merangkap pengerusi rangkaian itu, Prof Dr Mohd Hair Bejo dan Profesor Kesihatan Pekerjaan, Jabatan Kesihatan Masyarakat Pusat Perubatan UKM, Prof Dr Noor Hassim Ismail.

Dr Mohd Hair berkata, MyOHUN adalah satu rangkaian rakan kongsi di bawah SEOHUN membabitkan 14 fakulti perubatan veterinar, kesihatan awam dan kejururawatan membabitkan 10 universiti negara Asia.

"Antara negara yang terbabit seperti Malaysia (MyOHUN), Indonesia, Thailand dan Vietnam.

"MyOHUN diwakili ahli terasnya iaitu Fakulti Perubatan Veterinar UPM serta Fakulti Sains Kesihatan dan Fakulti Perubatan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)," katanya.

Sebanyak 11 bengkel dirangka dan enam daripadanya sudahpun dilaksanakan sepanjang penubuhan NCO-MyOHUN yang mula beroperasi sejak September tahun lalu.



DR Mohd Fauzi (dua dari kanan) diiringi Dr Mohd Hair (kanan) dan Dr Noor Hassim menandatangani plak sempena pelancaran MyOHUN.

"Aktiviti berkenaan mendapat sambutan menggalakkan dan disertai ahli daripada pelbagai universiti serta institusi awam mahupun swasta dan badan kerajaan di negara ini," katanya.

Menurutnya, MyOHUN akan memainkan peranan penting bagi mengekalkan komitmen UPM dalam usaha penerokaan dan penyebaran ilmu pengetahuan selaras misi ditetapkan.

"Ia sekali gus memberikan sumbangan bermakna kepada pembentukan dan pembangunan negara serta kemajuan manusia sejagat menerusi penerokaan dan penyebaran ilmu.

"Jaringan ini akan menjadi medium yang menggabungkan pelbagai pihak seperti universiti di Malaysia, badan kerajaan dan pihak swasta.

"Tujuannya bagi meningkatkan kesedaran mengenai ancaman penyakit zoonotik (penyakit menular daripada haiwan kepada manusia), selain menyebarkan dan berkongsi ilmu pengetahuan dalam bidang kepakaran masing-masing," katanya.

Menyentuh mengenai zoonotik, Dr Mohd Hair berkata, kebelakangan ini ia suatu penyakit yang sangat penting dan mencabar.

"Sebagai contoh, baru-baru ini kita dikejutkan dengan wabak Influenza A (H1N1) yang meragut banyak

nyawa manusia.

"Kita juga ada wabak selesema burung (Influenza H5N1) iaitu penyakit pada ayam, tetapi boleh menjangkiti manusia," katanya, sambil menjelaskan wabak berkenaan menyebabkan kematian agak tinggi di negara serantau.

Selain itu, negara juga katanya pernah dikejutkan dengan beberapa penyakit lain seperti virus Nipah.

"Kebelakangan ini kita menemui penyakit di luar jangkaan yang sebelum ini tidak pernah wujud, selain ia adalah penyakit baru"
Prof Dr Mohd Hair Bejo

"Andainya kita lihat penyakit berlaku pada khinzir yang menyebabkan banyak kematian, penyakit sebegini pada waktu ini kerap berlaku.

"Kebelakangan ini kita menemui penyakit di luar jangkaan yang sebelum ini tidak pernah wujud, selain ia adalah penyakit baru," katanya.

Katanya, MyOHUN mempunyai empat objektif utama dalam mendepani serta bertindak balas kepada penyakit

zoonotik yang baru muncul atau sedia ada.

"Antaranya mempromosi dan memajukan pendekatan One Health untuk mengawal penyakit berjangkit dan zoonotik baru muncul.

"Meningkatkan kecekapan profesional One Health, membina asas One Health melalui aktiviti penyelidikan dan membina profesional terlatih, selain menjadi pemimpin masa depan," katanya.

Bagi peringkat universiti katanya, tumpuan diberikan dalam menyediakan kepakaran atau sumber manusia.

"Ini dalam usaha menangani cabaran apabila berlaku penyakit sebegini terutama mengelak ia daripada berlaku.

"Pada masa sama juga kita menjalankan kerja penyelidikan dan mengeratkan lagi jaringan antara agensi di negara ini untuk menangani masalah berkenaan," katanya.

Katanya, bagi jangka panjang pula yang akan diwujudkan adalah satu konsep One Health menumpukan kepada integrasi antara manusia, haiwan dan persekitaran.

"Mereka daripada pelbagai disiplin bidang perlu bekerjasama untuk memahami, menangani dan seterusnya mengelakkan penyakit ini berulang.

"Paling tidak pun kita dapat menangani penyakit sebegini yang akan muncul, sekali gus mengelakkan kesan buruk seperti kematian tinggi



DR Mohd Fauzi (tiga dari kiri) melawat makmal bakteriologi.



DR Mohd Fauzi melihat virus menerusi mikroskop.



DR Mohd Fauzi (kanan) diberi penerangan mengenai aktiviti dilakukan MyOHUN di makmal.

pada masa akan datang," katanya.

Beliau berkata, jaringan kerjasama semua pihak sangat penting kerana dapat menyatukan pelbagai bidang berbanding bergerak secara sendirian.

"Setiap tahun akan ada 12 aktiviti yang dirangka atau satu program pada setiap bulan dengan membabitkan mereka yang arif dalam bidang tertentu.

"Komuniti yang diwujudkan juga akan memberi kesedaran, selain memahami aspek sosio-ekonomi. Ini bukan saja membabitkan soal kesihatan, tetapi ekonomi dan psikologi," katanya.

Menyentuh mengenai prosedur dilakukan, katanya, diagnosa adalah perkara pertama dilakukan untuk mengenal pasti wabak berkenaan.

"Ini memerlukan kepakaran di makmal dan sebab itu makmal di sini dilengkapi dengan teknik terkini untuk mengenal pasti agen penyakit. "Pertama, kita perlu kenal pasti agen pun-

ca penyakit berkenaan dan kedua barulah kita respons dan membantu agensi untuk menangani wabak," katanya.

Proses diagnosa katanya, sangat penting untuk menentukan kumpulan virus atau bakteria berkenaan.

"Jika bakteria rawatan secara antibiotik boleh diberikan dan kalau virus baru, kita perlu tahu kumpulannya.

"Teknik diagnosa dilakukan adalah secara konvensional dan molekular seperti tindak balas rantai polimerase (PCR)," katanya.

Ada makmal parasit dan virologi dalam melakukan penyelidikan terhadap penyakit zoonotik dikenal pasti.

"Kami bantu dari segi pemantauan dan persampelan bagi memastikan keadaan, bebas dan pengesanan awal dilakukan.

"Teknologi di makmal sangat penting kerana jika tidak ada teknik untuk mengesan, kita tidak tahu penyakit itu terutama penyakit baru dan tidak pernah diketahui," katanya.